

Huruf Baharu Mewakili Bunyi “Eks” Dalam Sistem Tulisan Jawi

**Hussain Othman
Mohd Hisyam Abdul Rahim
Shakila Ahmad
Mikdar Rusdi
Rafiuddin Afkari.**

**GERAN FRGS
Vot 0735**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRAK

Tulisan Jawi telah lama digunakan oleh orang Melayu sebelum penggunaan secara meluas tulisan Rumi dalam penulisan pada ketika ini. Setelah meningkatnya perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, tulisan Jawi dilihat sebagai tulisan yang banyak kekurangan lantaran ketiadaan huruf vokal bagi mewakili huruf-huruf Rumi dan sebahagian daripada bunyinya. Kajian ini berusaha mengatasi kekurangan tersebut dengan mengenalpasti masalah yang timbul akibat kekurangan huruf Jawi. Pada peringkat awal kajian bertujuan memperkenalkan huruf baharu bagi mewakili bunyi “eks” dalam sistem tulisan Jawi. Namun begitu masalah sebenar yang dikenalpasti adalah kewujudan huruf “e” taling dan “e” pepet dalam tulisan Rumi. Oleh itu kajian ini akhirnya berusaha memperkenalkan huruf konsonan Jawi baharu mewakili vokal “e” bagi memudahkan ejaan dan ketepatan sebutan perkataan-perkataan bahasa Melayu yang mengandungi huruf vokal “e”. Kajian ini menggunakan tiga kaedah utama iaitu kajian tinjauan deskriptif, kajian quasi eksperimen dan kajian rekabentuk atau inovasi. Kajian tinjauan deskriptif dilaksanakan untuk mengetahui keperluan kepada inovasi berdasarkan kepada penguasaan dan minat semasa terhadap tulisan Jawi. Daripada analisis data kajian tinjauan deskriptif didapati keupayaan dan kemahiran responden dalam menjawab soalan-soalan ujian Jawi adalah berada pada tahap yang agak lemah. Kajian quasi eksperimen dijalankan untuk mengetahui penguasaan responden terhadap perkataan-perkataan yang mempunyai huruf “e” taling dan “e” pepet. Dapatan kajian quasi eksperimen mula menunjukkan kebanyakan pelajar mempunyai kemahiran yang amat rendah dalam menulis Jawi dan rendah dalam mengeja, membaca dan menulis kembali ke dalam tulisan Rumi bagi perkataan yang mempunyai huruf “e” taling dan “e” pepet. Kajian rekabentuk atau inovasi dijalankan untuk menghasilkan huruf baharu bagi menyelesaikan masalah sebutan bunyi “e” taling dan “e” pepet yang telah dikenalpasti. Dapatan kajian rekabentuk inovasi huruf Jawi baharu telah dapat menghasilkan empat huruf baharu. Namun begitu hanya dua huruf sahaja yang didapati sesuai untuk dicadangkan sebagai huruf Jawi baharu mewakili huruf “e” taling dan “e” pepet iaitu huruf “ya” bertitik dua secara bertindih (ڤا) bagi mewakili huruf “e” taling seperti dalam perkataan “Enak = اڤنق ” dan huruf “hamzah” berumahkan huruf “ya” (ڤا) bagi mewakili huruf “e” pepet seperti dalam perkataan “Emak = نمق ”. Kedua-dua huruf baharu ini bagaimanapun memerlukan proses ujilari dan penyesuaian dengan semua perkataan Bahasa Melayu yang mempunyai huruf “e” taling dan “e” pepet sebelum boleh diperkenalkan untuk kegunaan masyarakat.

ABSTRACT

The Malays have been using Jawi scripts long before the introduction of Romanized scripts in Malay language. With the increasing number of loan words from English and other languages into the Malay language, Jawi writing is having difficulties to adapt to the new loan words due to the lack of vowel to represent some of the Roman scripts. This study is intended to identify the lack of vowel in Jawi script and to propose some solutions to the problem. In the early stage, the study is intended to propose new Jawi scripts to represent the sound of "X". However, the real problem discovered is not about the sound of "X" but the existence of vowel alphabets in Malay Romanized words which dampened the proper usage of Jawi scripts. In relation to that, the study later identified the needs to introduce new Jawi scripts to represent vowel "e" in two forms. This study adopts three methods i.e. quantitative descriptive survey research, quasi experiment method and design research method. The quantitative descriptive survey research is utilized in order to identify the problem of mastery of Jawi writing among young generations. Finding of this study shows that most of the respondents are facing problems in mastery of Jawi writing due to the lack of exposure and usage of Jawi writing in their daily life. Quasi experiment method is used in order to identify the specific problems with the mastery of Jawi writing related to two forms of "e" vowel. Finding of this study shows that most of the respondents are weak in reading and writing Jawi words with two forms of vowel "e". The design method is used in order to identify and design the most appropriate script to be accepted as new Jawi script representing two forms of vowel "e". Four new Jawi scripts were proposed and only two were highly recommended to be accepted as the new Jawi scripts representing two forms of vowel "e" in Romanised Malay language. These two scripts need to be applied to the all Malay words contain two forms of vowel "e" and tested its applicability before proposing to be accepted in Jawi writing system.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t di atas limpah dan kurnia Nya menganugerahkan nikmat kehidupan dan iman kepada kita. Salawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. sahabat serta keluarga baginda yang mulia.

Di atas kesempatan yang diberikan oleh Allah s.w.t dapat kami sempurnakan kajian bertajuk “Huruf Baharu Mewakili Bunyi ‘Eks’ Dalam Sistem Tulisan Jawi” di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 1/2010. Kajian ini telah berjalan selama lebih kurang tiga tahun dan menemui pelbagai perkara baharu yang dapat membuka mata seluruh bangsa Melayu beragama Islam tentang peri pentingnya menjaga warisan unggul bangsa melalui aplikasi inovasi. Inovasi yang dijalankan dapat membantu memelihara dan meneruskan kelangsungan tulisan Jawi sebagai satu warisan penting bangsa Melayu dan umat Islam rantau Nusantara ini.

Kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya sekiranya tidak mendapat sokongan padu daripada semua ahli kumpulan penyelidik khusus Ustaz Mohd Hisyam Abdul Rahim iaitu penyelidik yang pertama sekali mencetuskan isu keperluan kepada inovasi huruf Jawi ini. Selain itu sokongan semua ahli penyelidik yang lain telah dapat membantu hasil kajian ini dibentang dan dibincangkan dalam kalangan pakar tulisan Jawi unggul di tanahair. Pihak kami juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua tenaga pakar yang telah memberikan komen, cadangan dan pandangan sehingga kajian ini dapat mencapai hasil yang diharapkan. Semoga segala daya usaha yang dicurahkan oleh para pakar yang terdiri daripada Prof. Dr. Hashim Haji Musa, Tuan Haji Hamdan Abdul Rahman dan Ustaz Muhammad Fadzli Tajuid serta Prof. Dr. H.M. Bukhari Lubis dibalas dengan ganjaran kebajikan yang besar di dunia dan akhirat.

Pihak kami tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan (dahulunya Kementerian Pengajian Tinggi) di atas sokongan peruntukan dan kelulusan untuk memudahkan kajian ini dilaksanakan dengan jayanya. Tidak dilupakan juga kepada pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia melalui Pusat Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan yang banyak membantu memudahkan segala urusan penyelidikan kumpulan kami.

Akhir sekali dengan rasa rendah diri kami memohon ribuan kemaafan di atas sebarang kekurangan yang wujud dalam kajian ini sama ada dari segi isi kandungan mahupun persembahannya. Sekalung ucapan terima kasih saya tujukan khususnya kepada semua rakan di UTHM yang banyak memberikan cetusan idea dan pandangan terhadap kajian ini. Sekalung budi ditujukan kepada guru-guru yang menerangi jalan kembara ilmu kami di mana jua mereka berada. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang telah membantu kami sama ada secara langsung atau tidak untuk memastikan kajian ini mencapai kejayaannya.

Hussain Othman
Ketua Kumpulan Penyelidik
Vot 0735 FRGS 1/2010
Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ISI KANDUNGAN

Abstrak (Bahasa Melayu)	ii
Abstract (Bahasa Inggeris)	iii
Penghargaan	iv
Senarai Jadual dan Rajah	vi
BAB 1: Latar Belakang Kajian	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Faedah Kajian	8
BAB 2: Sorotan Kajian	
2.1 Sejarah Skrip dan Tulisan Jawi	10
2.2 Kajian Tentang Skrip dan Tulisan Jawi	14
2.3 Penciptaan Huruf Tambahan Dalam Tulisan Jawi	18
2.4 Bunyi ‘Eks’ Dalam Bahasa Melayu	20
BAB 3: Metodologi Kajian	
3.1 Kerangka Kajian	24
3.2 Kajian Tinjauan Penguasaan Jawi	24
3.3 Kajian Quasi Eksperimen	25
3.4 Kajian Rekabentuk	28
BAB 4: Dapatan Kajian Deskriptif dan Quasi Eksperimen	
4.1 Kajian Deskriptif dan Quasi Eksperimen	34
4.2 Data Kajian Deskriptif	34
4.3 Data Kajian Quasi Eksperimen	46
4.4 Rumusan dan Perbincangan	55
BAB 5: Inovasi Huruf Jawi Baharu	
5.1 Latar Belakang Usaha Inovasi	59
5.2 Pendekatan Inovasi Huruf Jawi	60
5.3 Cadangan Huruf “ <i>khe</i> ” (ڤ) Parsi Sebagai Asas Ciptaan	64
5.4 Cadangan Huruf ڤ (‘Ain) Sebagai Perumah	67
5.5 Cadangan Awal	68
5.6 Isu Yang Timbul Berdasarkan Cadangan Awal	72
5.7 Masalah Sebenar	73
5.8 Penyelesaian dan Penciptaan Huruf Baharu	73
BAB 6: Penutup	
6.1 Perbincangan dan Kesimpulan	78
6.2 Pandangan dan Cadangan Pakar	78
6.3 Kesimpulan	81
BIBLIOGRAFI	83
LAMPIRAN	86

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

Jadual/Rajah	Tajuk	Halaman
Jadual 1.1	Bilangan Perkataan Yang Mempunyai Bunyi “eks”, “nya”, “V” dan “Nga”	6
Jadual 1.2	Perkataan Yang Mengandungi Bunyi ‘EKS	6
Jadual 1.3	Kemungkinan Kesalahan Bacaan Perkataan Berbunyi “eks”	7
Jadual 2.1	Bilangan Perkataan Yang Mempunyai Bunyi “eks”, “nya”, “V” dan “Nga”	21
Jadual 2.2	Perkataan Yang Mengandungi Bunyi ‘EKS	21
Jadual 2.3	Contoh Ejaan Perkataan Yang Mengandungi Bunyi ‘EKS’	22
Jadual 3.1	Tulisan Rumi Mengandungi Bunyi “e” Taling, “e” Pepet dan “o”	26
Jadual 3.2	Tulisan Jawi Mengandungi Bunyi “e” Taling, “e” Pepet dan “o”	27
Jadual 3.3	Ayat Mengandungi Bunyi “e” Taling, “e” Pepet dan “o”	28
Jadual 3.4	Senarai Panel Pakar Jawi	32
Rajah 4.1	Peratusan Responden Mengikut Jantina	36
Rajah 4.2	Peratusan Responden Mengikut Umur	36
Rajah 4.3	Peratusan Responden Mengikut Peringkat Pengajian	37
Rajah 4.4	Peratusan Responden Mengikut Fakulti	37
Rajah 4.5	Peratusan Responden Mengikut Tahun Pengajian	38
Rajah 4.6	Tempat Pertama Belajar Jawi	38
Rajah 4.7	Pembantu Utama Belajar Jawi	39
Rajah 4.8	Kemahiran Membaca Artikel Jawi	40
Rajah 4.9	Bahan Bacaan Jawi Utama	40
Rajah 4.10	Kebiasaan Penggunaan Tulisan Jawi	41
Rajah 4.11	Cadangan Menawarkan Tulisan Jawi Sebagai Subjek Kokurikulum	42
Rajah 4.12	Peratusan Jawapan Betul Bagi Perkataan Jawi Mudah	43
Rajah 4.13	Peratusan Jawapan Betul Bagi Perkataan Jawi Sederhana	43
Rajah 4.14	Peratusan Jawapan Betul Bagi Perkataan Jawi Kompleks	44
Rajah 4.15	Purata Skor Min Tahap Pencapaian Ujian Kecekapan Jawi	45
Jadual 4.1	Data Responden Kajian	46
Jadual 4.2	Kesalahan Menulis Perkataan Dalam Tulisan Jawi	47
Jadual 4.3	Tahap Kesukaran Menulis Perkataan Jawi	48
Jadual 4.4	Skala Kesukaran Menulis Perkataan Dalam Tulisan Jawi	48

Jadual 4.5	Ayat Tulisan Rumi Untuk Dijawikan	49
Jadual 4.6	Jumlah Kesalahan Perkataan Dalam Tulisan Jawi	49
Jadual 4.7	Perkataan Yang Mengalami Salah Ejaan Jawi Dalam Ayat	50
Jadual 4.8	Kekerapan Kesalahan (X) Ejaan Jawi Bagi Perkataan Dalam Ayat	52
Jadual 4.9	Kesalahan Menulis Perkataan Dalam Tulisan Jawi	53
Jadual 4.10	Skala Kesukaran Menulis Perkataan Rumi Dalam Tulisan Rumi	54
Jadual 4.11	Ayat Tulisan Jawi Untuk Dirumikan	54
Jadual 4.12	Jumlah Kesalahan Perkataan Dalam Tulisan Jawi	55
Jadual 4.13	Kesalahan Ejaan Perkataan Berunsurkan Sains dan Teknologi	57
Jadual 5.1	Senarai huruf Parsi dan bunyinya	64
Jadual 5.2	Senarai huruf Pashto dan bunyinya	65
Jadual 5.3	Contoh ejaan menggunakan huruf baharu (ع)	66
Jadual 5.4	Contoh ejaan menggunakan huruf baharu “ع- ‘ain” bertitik dua - ع	68
Jadual 5.5	Senarai huruf Uyghur dan bunyinya	69
Rajah 5.1	Bentuk huruf dan kedudukan titik	70
Jadual 5.6	Cadangan Kedudukan Huruf “ee” dalam Susunan Huruf Jawi	71
Jadual 5.7	Contoh ejaan menggunakan huruf baharu “ع- ‘ain” bertitik dua - ع mewakili huruf vokal “E”	71
Jadual 5.8	Senarai huruf Parsi dan bunyinya	74
Jadual 5.9	Senarai huruf Turki Uthmaniyah dan bunyinya	75
Jadual 5.10	Senarai huruf Pashto dan bunyinya	75
Jadual 5.11	Senarai huruf Uyghur dan bunyinya	76
Jadual 5.12	Huruf Jawi Baharu Mewakili Vokal “E” Bahasa Melayu	77

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pengenalan

Tulisan jawi memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Melayu samada sebagai alat komunikasi mahupun medium pengembangan ilmu selepas kedatangan Islam ke Alam Melayu. Ia digunakan dalam kalangan raja, pembesar negara, ulama, saudagar dan rakyat jelata. Walaupun tulisan jawi didapati mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan skrip Arab terutamanya pada bentuk abjad, namun terdapat beberapa perbezaan yang ketara terutamanya pada penambahan abjad yang menjadikan jumlah bilangan abjad jawi yang berbeza dengan bilangan abjad Arab. Ini menunjukkan tulisan jawi telah mempunyai identiti yang tersendiri dan mampu berperanan sebagai alat komunikasi dan pengembangan ilmu di peringkat global.

1.2 Latar Belakang Masalah

Perbincangan bagi mengenalpasti asal perkataan “Jawi” telah dikemukakan oleh beberapa pihak yang mempunyai hujah yang tersendiri. Bagaimapun bagi mendapatkan hubungan yang rapat antara perkataan “Jawi” dengan tulisan jawi maka adalah lebih sesuai mengambil pendapat yang menyatakan ia berasal daripada perkataan Arab, al-Jawah atau al-Jawi yang menggambarkan Kepulauan Melayu atau Pulau Sumatera pada pertengahan abad ke-14 Masihi (Hashim Haji Musa, 1999). Menurut Ismail Hamid (1985: 36), gelaran “Jawi” bagi huruf-huruf Arab mungkin berkait rapat dengan panggilan Jawi yang digunakan oleh orang Arab di Mekah terhadap bangsa Melayu di Nusantara. “Jawi” adalah kata sifat yang membawa erti “orang Jawa” atau “berasal dari tanah Jawa”, sesuai dengan gelaran yang diberikan oleh penulis-penulis Arab klasik termasuk Ibnu Batuttah yang menggelarkan Pulau Sumatera sebagai al-Jawah. Sehubungan dengan itu orang-orang Melayu yang tinggal di kepulauan Nusantara digelar sebagai bangsa Jawi dan tulisan mereka disebut sebagai tulisan Jawi.

Aksara rencong dan Palava yang berasal daripada tradisi Hindu merupakan bentuk tulisan yang pernah digunakan oleh orang-orang Melayu sebelum kedatangan Islam. Setelah bertapaknya Islam di Alam Melayu, orang-orang Melayu mula menggunakan tulisan Jawi sebagai medium tulisan yang utama sebelum mereka beralih menggunakan tulisan Rumi secara meluas dalam kehidupan seharian sehingga ke hari ini. Aksara Jawi berasal daripada tulisan Arab yang dipinjam oleh orang Melayu untuk menulis bahasa mereka bagi menggantikan tulisan rencong Palava. Beberapa huruf juga telah diambil daripada bahasa Parsi dan Hindi (Urdu) serta dicipta huruf baharu apabila beberapa sebutan dan bunyi dalam bahasa Melayu tidak dapat diwakili oleh tulisan Arab (Amat Juhari Moain, 1991).

Tarikh bilakah tulisan Jawi mula dipinjam oleh orang Melayu daripada tulisan Arab, Parsi dan Hindi tidaklah dapat dipastikan. Namun begitu kedatangan Islam adalah merupakan peristiwa penting yang menjadi titik tolak bermulanya perubahan penggunaan tulisan rencong Palava kepada tulisan Jawi. Bukti sejarah menunjukkan bahawa tulisan Jawi lahir agak lewat selepas kedatangan Islam. Prasasti awal yang menunjukkan kewujudan Islam di alam Melayu banyak mencatatkan tulisan Arab di atas batu-batu nisan seperti batu nisan maqam Syaikh Abdul Kadir Ibnu Hussain Shah Alam di Langgar, Alor Setar, Kedah yang bertarikh 290 hijrah bersamaan 910 Masihi. Tulisan Jawi hanya mula ditemui pada sekitar abad 13 Masihi iaitu berdasarkan kepada penemuan Batu Bersurat Terengganu pada tahun 702 hijrah bersamaan tahun 1303 Masihi (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1970). Aksara Jawi yang ditemui pada Batu Bersurat Terengganu ini telah merangkumi kesemua 29 abjad Arab berserta lima abjad tambahan iaitu *cha* (چ), *nga* (ڠ), *pa* (پ), *ga* (گ) dan *nya* (ن) (Amat Juhari Moain, 1991).

Tulisan Jawi mempunyai aksara yang berasal daripada 29 huruf al-Hijaiyyah Arab dan huruf-huruf pinjaman daripada Parsi dan Hindi (Urdu) serta yang dicipta bagi mewakili bunyi sebutan khusus bangsa Melayu. Tulisan Jawi yang digunapakai kini telah mengalami penyesuaian dengan penuturan bangsa Melayu. Oleh yang demikian, terdapat pertambahan 6 huruf bagi memenuhi keperluan sebutan bahasa Melayu iaitu huruf *cha* (چ), *nga* (ڠ), *pa* (پ), *ga* (گ), *va* (ڤ) dan *nya* (ن). Sekiranya dihalusi, pertambahan 6 huruf tersebut dapat dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu, penambahan huruf konsonan bersesuaian dengan penuturan bangsa Melayu dan mewakili huruf Rumi dan penambahan

huruf bagi mewakili bunyi penuturan bangsa Melayu. Huruf *cha* (چ), *nga* (ڠ), *pa* (پ), *ga* (گ) dan *nya* (ن) dicipta untuk melambangkan bunyi-bunyi yang lazim pada lidah orang Melayu. Kesemua huruf-huruf ini dikatakan dipinjam dari huruf Arab atau diambil secara terus dari huruf Parsi dan Hindi (Al-Attas, 1972, Omar Awang, 1978 dan Amat Juhari, 1991). Penambahan-penambahan huruf vokal bersesuaian dengan penuturan bangsa Melayu dan mewakili konsonan Rumi bagi 4 huruf iaitu *cha* (چ) bagi huruf C, *pa* (پ) bagi huruf P, *ga* (گ) bagi huruf G, dan terakhir sekali pada 1984 ialah *va* (و) bagi huruf V. Manakala penambahan huruf bagi mewakili bunyi penuturan bangsa Melayu ada 2 iaitu *nga* (ڠ), bagi bunyi 'ng' dan *nya* (ن) bagi bunyi 'ny'.

1.3 Pernyataan Masalah

Semasa awal fasa penjajahan Inggeris, tulisan jawi masih digunakan terutamanya dalam urusan surat menyurat antara raja Melayu dengan kerajaan Inggeris. Contohnya di Pahang, semasa pemerintahan Sultan Ahmad iaitu Sultan Pahang yang pertama dari keturunan Bendahara telah berutus surat dengan kerajaan Inggeris dengan menggunakan tulisan jawi. Begitu juga Residen pertama, J.P Rodger menggunakan tulisan jawi dalam suratnya kepada Sultan Ahmad (Ahmad Farid bin Abdul Jalal, Yaakub bin Isa (ed),2005). Bagaimanapun penjajahan Inggeris dalam jangka masa yang agak lama telah membawa perubahan yang besar terhadap tulisan jawi dan bahasa melayu. Peranan tulisan jawi sebagai lambang kedaulatan bangsa dan bahasa melayu telah dinafikan dengan kehadiran tulisan rumi. Kini, ramai dalam kalangan orang melayu yang buta jawi dan menganggap ia hanya sekadar sesuai digunakan dalam pembelajaran tidak rasmi.

Selepas beberapa masa beredar, perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris kian meningkat penggunaannya dalam bahasa Melayu. Kesannya, wujud kesukaran dalam proses mengeja menerusi tulisan jawi untuk perkataan tersebut lantaran kekurangan huruf konsonan bagi mewakili huruf-huruf rumi dan bunyinya. Selain itu, kekurangan tersebut turut juga menyebabkan ketidaktepatan dalam penyebutan perkataan yang telah dieja menggunakan huruf Jawi sedia ada. Siddiq Fadzil menerangkan bahawa kekurangan huruf vokal dan ketidaktentuan aturannya dalam tulisan Jawi sering digambarkan sebagai tulisan yang banyak kelemahannya. (Siddiq Fadzil: 2008). Shah turut menjelaskan, tulisan Jawi mengalami kesulitan untuk mengikuti keperluan semasa terutama dalam

dunia pendidikan kerana wujud istilah-istilah baharu dalam sains dan teknologi. Terdapat 4 jenis huruf yang kurang yang telah dikenalpasti dalam menghasilkan huruf Jawi iaitu huruf 'E atas', 'E bawah', 'O' dan 'X'. (Shah, 2002). Bagi mengatasi kekurangan tersebut huruf-huruf baharu dalam penulisan Jawi boleh dicipta menerusi kaedah-kaedah penambahan pada huruf asal Arab. (Abd Rahman Hamzah, 2008).

Menurut Pak Matlob, aksara Jawi merupakan adaptasi huruf-huruf Arab yang berperanan khusus sebagai alat pengejaan. Ia bersandar kepada bahasa Melayu dan sebarang perubahan yang berlaku ke atas bahasa Melayu akan turut mempengaruhi aksara Jawi tersebut. Hubungan antara bahasa Melayu dan aksara Jawi umpama irama dan lagu dan ini menjelaskan bahawa kebergantungan tulisan Jawi terhadap Bahasa Melayu adalah amat tinggi bagi mengekalkannya agar terus relevan (Azniah Ismail, 2003: 45)

Aksara Jawi masih mengalami perkembangan sedikit demi sedikit mengikut peredaran perkembangan bahasa Melayu itu sendiri. Didapati bilangan abjad Jawi telah pun mengalami pertambahan bagi mengimbangi sebutan dan ejaan bahasa Melayu baru selepas zaman kemerosotannya. Manakala menurut Zamri Murah (1999), Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyenaraikan 37 abjad Jawi pada tahun 1988. Kesemuanya berasaskan abjad Arab kecuali 5 aksara tambahan lama iaitu *cha* (چ), *nga* (ڠ), *pa* (پ), *ga* (گ) dan *nya* (ن) serta satu aksara yang baharu ditambah pada 1984 iaitu *va* (ڤ) yang mewakili abjad Rumi V (Azniah Ismail, 2003: 47).

Hari ini pelbagai pandangan telah dikemukakan terhadap kedudukan tulisan jawi. Apa yang pasti sejarah terus mencatat kemerosotan penggunaan dan kepentingan tulisan jawi dalam kalangan orang melayu. Bermula dari reformasi dalam pendidikan negara yang menghapuskan tulisan jawi sebagai tulisan utama dan tulisan pengantar kepada Bahasa Melayu dengan menukarkannya kepada tulisan rumi. Seterusnya akbar Utusan Melayu yang menggunakan tulisan jawi semakin malap dan tidak popular yang akhirnya kini hanya menjadi akhbar sisipan dalam Utusan Malaysia setiap hari Isnin. Kebimbangan kepupusan tulisan jawi ini juga turut dinyatakan oleh Profesor Kang Kyoung Seok, seorang pengkaji tulisan jawi berbangsa Korea. Menurut beliau tulisan jawi sedang "tenat" dan jika keadaan ini berterusan tulisan jawi mungkin akan pupus suatu hari nanti. Pakar jawi yang ada hari ini sudah ramai yang bersara dan tidak ada penggantinya. Justeru perlu ada generasi muda yang dididik dengan kemahiran tulisan jawi (Utusan

Malaysia dan The Star, 29 Januari 2012). Profesor Ding Choo Ming daripada Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia juga senada dengan Profesor Kang. Beliau menarik perhatian masyarakat Malaysia agar kembali melihat kepentingan tulisan Jawi sebagai warisan bangsa dan jadikannya semula sebagai satu budaya utama (The Star, 19 Januari 2012).

Bahasa melayu terus berkembang dan menerima perubahan. Terkini didapati berlaku pertambahan perbendaharaan perkataan yang diambil dari bahasa Inggeris termasuk yang berunsurkan sains dan teknologi. Perubahan ini dilihat turut memberi kesan terhadap perkembangan tulisan jawi. Disebabkan bahasa Inggeris menggunakan beberapa huruf yang mewakili bunyi tertentu yang tidak ada dalam tulisan jawi dan sebutan bahasa Melayu, maka penulisannya terpaksa menggunakan lebih dari satu huruf bagi mewakili satu bunyi. Dicapat terdapat lebih dari 300 perkataan bahasa Inggeris yang telah didaftarkan dalam Kamus Dewan edisi keempat terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Berdasarkan perkataan Inggeris yang telah dimelayukan, sebutan bunyi “v” dan “eks” tidak mempunyai bentuk huruf dalam tulisan jawi yang asal. Dalam masa yang sama didapati perkataan yang menggunakan bunyi “v” berjumlah 233 perkataan manakala bunyi “eks” berjumlah 122 perkataan. Pada tahun 1998 huruf “ڤ” telah ditambah dalam huruf jawi bagi mewakili bunyi “v” bagi membolehkan perkataan Inggeris yang dimelayukan ditulis dalam tulisan jawi.

Terdapat banyak perkataan bahasa Melayu yang mempunyai bunyi “eks”. Kebanyakan perkataan ini adalah merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris seperti *ekspres, eksport, eksplorasi, eksperimen, eksplo, kompleks, seks* dan sebagainya. Menerusi penelitian rapi yang dijalankan, didapati bahawa penggunaan perkataan dalam bahasa Melayu yang melibatkan bunyi ‘eks’ dalam Kamus Dewan Edisi Keempat adalah tidak kurang daripada 122 perkataan termasuk perkataan yang bermula dengan huruf “X” iaitu X-ray. Manakala perkataan yang mempunyai bunyi “nya” adalah sebanyak 84 perkataan, bunyi “v” sebanyak 233 perkataan dan bunyi “nga” sebanyak 118 perkataan. Jadual 1.1 menunjukkan perbandingan jumlah perkataan yang mempunyai bunyi “eks”, “nya”, “V” dan “nya”. Oleh itu jelas bahawa perkataan yang mempunyai bunyi “eks”

adalah agak banyak serta melebihi perkataan yang mempunyai bunyi 'nya' iaitu hanyalah sebanyak 84 perkataan dan bunyi "nga" sebanyak 118 perkataan sahaja. Sedangkan huruf "nya" telah lama dicipta dalam sistem tulisan Jawi.

Jadual 1.1: Bilangan Perkataan Yang Mempunyai Bunyi "eks", "nya", "V" dan "Nga"
Sumber: *Kamus Dewan Edisi Keempat*

Bunyi Huruf	Bilangan
Eks	122
Nya	84
V	233
Nga	118

Berdasarkan jumlah perkataan yang dikenalpasti, bunyi 'eks' adalah salah satu daripada bunyi bahasa Melayu yang penting dan perlu diberikan perhatian dalam mencipta huruf Jawi baharu. Jadual 1.2 menunjukkan di antara perkataan bahasa Melayu yang mempunyai bunyi "eks". Perkataan ini tidak termasuk perkataan yang mempunyai bunyi "ek" (huruf E dan K sahaja) seperti budek, gandeK, gedek, gelek, gentek, injek, jelepek dan sebagainya.

Jadual 1.2 : Perkataan Yang Mengandungi Bunyi 'EKS'
(Sumber: *Kamus Dewan Edisi Keempat*)

Bil	Perkataan	Bil	Perkataan	Bil	Perkataan	Bil	Perkataan
1	Beksa	32	Eksperimen	63	<i>Ex Gratia</i>	94	Leksotaktik
2	Beksan	33	Eksperimental	64	<i>Ex Officio</i>	95	Peksa
3	Bereksa	34	Eksperimentalis	65	<i>Ex Parte</i>	96	Peksi
4	Biseks	35	Eksperimentasi	66	<i>Exco</i>	97	Psikoseksual
5	Biseksual	36	Eksplisit	67	Fleksi	98	Refleksi
6	Dekstrin	37	Eksplloit	68	Fleksibel	99	Refleksologi
7	Dekstrosa	38	Eksplloitasi	69	Fleksibiliti	100	Reksa
8	Dwiseksual	39	Eksplorasi	70	Geotekstil	101	Seks
9	Eksais	40	Ekspo	71	Heksa	102	Seksa
10	Eksantema	41	Eksponen	72	Heksagon	103	Seksi
11	Eksekutif	42	Eksport	73	Heksahedron	104	Seksi
12	Eksemplar	43	Eksposisi	74	Heksana	105	Seksionalisme
13	Eksentrik	44	Ekspres	75	Homoseksual	106	Seksisme
14	Ekshibit	45	Ekspresi	76	Homoseksualiti	107	Seksologi
15	Eksisi	46	Ekspresif	77	Indeks	108	Sekstan
16	Eksistensi	47	Ekspresionis	78	Infleksi	109	Sekstet
17	Eksistensialis	48	Ekspresionisme	79	Injeksi	110	Seksual
18	Eksistensialisme	49	Ekstasi	80	Injeksyen	111	Seksualiti
19	Ekskavasi	50	Ekstensif	81	Inspeksi	112	Seksuil
20	Eksklusif	51	Ekstra	82	Interseks	113	Seksyen
21	Ekskursi	52	Ekstradisi	83	Konteks	114	Seleksi

22	Eksodus	53	Ekstrak	84	Kontekstual	115	Teks
23	Eksogami	54	Ekstranei	85	Korteks	116	Teksi
24	Eksokarpa	55	Ekstrapolasi	86	Lateks	117	Tekstil
25	Eksosfera	56	Ekstrasel	87	Leksem	118	Tekstur
26	Eksoterma	57	Ekstravaganza	88	Leksikal	119	Teleks
27	Ekstotik	58	Ekstrem	89	Leksikograf	120	Uniseks
28	Ekstotika	59	Ekstremis	90	Leksikografi	121	Videoteks
29	Eksotisme	60	Ekstremisme	91	Leksikon	122	X-Ray
30	Ekspatriat	61	Ekstrinsik	92	Leksikostatistik		
31	Ekspedisi	62	Ekstrovert	93	Leksis		

Ketika ini transliterasi dan ejaan Jawi bagi bunyi “eks” adalah menggunakan 4 huruf Jawi iaitu huruf *alif*, *ya*, *kaf* dan *sin* (ايس) jika bunyi “eks” berada di awal atau 3 huruf iaitu *ya*, *kaf* dan *sin* (يكس) jika bunyi eks berada di tengah atau di akhir perkataan (Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan, 1987). Contohnya ejaan bagi 10 perkataan yang tersenarai dalam Jadual 1.3 di bawah. Penggunaan huruf yang banyak dan kurang bersesuaian mungkin akan menghasilkan sebutan dan ejaan yang salah. Perkataan “eksais” kemungkinan akan dibaca “*iksais*” atau “*ikesais*” kerana pertemuan huruf “alif” dan “ya” memungkinkan wujud bunyi vokal “*mad*” atau panjang. Begitu juga dengan perkataan “eksklusif” mungkin dibaca “*iksklusif*” atau “*ikesklusif*”. Bunyi “eks” juga mungkin akan disebut “iks” apabila huruf “ya” sebelum “kaf” digunakan seperti dalam perkataan “heksahedron” (kiub yang mempunyai enam permukaan) yang mungkin dibaca “*hikshidron*” atau “*hikeshidron*”. Justeru, perkara ini dilihat sebagai satu kelemahan yang nyata dalam tulisan Jawi dan perlu kepada penyelesaian iaitu memperkenalkan huruf Jawi baharu yang dapat menambahbaik sistem tulisan dan ejaan Jawi sedia ada.

Jadual 1.3: Kemungkinan Kesalahan Bacaan Perkataan Berbunyi “eks”

Perkataan	Ejaan Jawi (DBP, 1989)	Kesalahan Bacaan
<u>eksais</u>	ايساءيس	iksais / ikesais
<u>eksklusif</u>	ايسكلوسيف	iksklusif / ikesklusif
<u>fleksibel</u>	فليكسيل	fliksibel / flikesibel
<u>heksahedron</u>	هيكسهيدرون	hikshidron / hikeshidron
<u>leksikon</u>	ليكسيكون	liksikon / likesikon
<u>heksa</u>	هيكسا	hiksa / hikesa
<u>seksi</u>	سيكسي	siksi / sikesi
<u>seks</u>	سيكس	sikas / sikes
<u>teks</u>	تيكس	tikas / tikes
<u>uniseks</u>	اونيسيكس	unisikas / unisikes

Bunyi “eks” yang ditulis dengan 3 huruf iaitu e, k dan s pula tulis sebagai “اېكس” dalam tulisan jawi yang melibatkan 4 huruf iaitu ا, ي, ك dan س. Penulisan bunyi “eks” dengan “اېكس” mungkin akan menghasilkan bunyi yang tidak tepat mengikut sebutan dalam bahasa Inggeris dan boleh menimbulkan kekeliruan samada dalam kalangan golongan muda yang buta jawi mahupun golongan tua yang jarang bertemu atau menggunakan istilah Inggeris atau perkataan yang berunsurkan sains dan teknologi. Sekiranya tidak ditetapkan satu kaedah bagi menentukan huruf jawi yang boleh membunyikan “eks”, maka tulisan jawi akan terus tertinggal dari mengikuti perkembangan moden terutamanya dalam membincangkan isu yang berkaitan sains dan teknologi. Sekaligus akan menjadikan ia mati dan tidak lagi diminati terutamanya oleh golongan muda. Justeru kajian ini akan meneliti apakah bentuk huruf jawi yang sesuai bagi melambangkan bunyi “eks”. Hasil dari kajian ini akan membantu menentu ketepatan bunyi mengikut sebutan orang melayu dan dapat mengurangkan jumlah aksara yang digunakan bagi membunyikan bunyi “eks” dalam tulisan jawi.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan pedoman ejaan jawi yang disempurnakan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan meneliti beberapa objektif iaitu:

1. Mengenalpasti masalah penguasaan Jawi secara perbandingan dengan penguasaan al-Qur'an dalam kalangan orang Melayu khususnya golongan muda.
2. Mengenalpasti masalah sebutan dan bacaan bagi perkataan-perkataan yang mempunyai sebutan “eks”.
3. Merekacipta huruf baharu bagi mewakili bunyi “eks” dalam sistem tulisan Jawi.

1.5 Faedah Kajian

Adalah diharapkan hasil kajian ini akan dapat memberi manfaat dalam pelbagai segi kepada tulisan Jawi khususnya untuk mengembalikan semula kegemilangannya dan digunakan secara meluas oleh rakyat Malaysia dan bangsa Melayu di Nusantara. Secara spesifiknya kajian ini diharapkan akan dapat masalah;

1. Perkataan yang mempunyai sebutan “eks” yang selama ini menggunakan huruf yang banyak iaitu alif, ya, kaf dan sin (di awal perkataan) dan ya, kaf dan sin (ditengah dan di akhir perkataan)
2. Sebutan “e” yang selama ini dikelirukan dengan sebutan ”i”
3. Pertambahan istilah asing yang kebanyakannya berunsurkan sains dan teknologi daripada bahasa Inggeris

Hasil kajian ini juga diharapkan akan dapat meningkatkan kelestarian tulisan Jawi dalam mendepani cabaran sains dan teknologi serta membuka ruang baharu untuk tulisan jawi terus berkembang sehingga memungkinkan tulisan Jawi menjadi alat untuk menguasai tamadun barat khususnya apabila wujud huruf-huruf yang boleh membunyikan sebutan bahasa Inggeris. 100 tahun akan datang mungkin bahasa Inggeris mempunyai satu lagi tulisan iaitu tulisan Jawi.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Sejarah Skrip dan Tulisan Jawi

Umum mengetahui dan memahami bahawa skrip Jawi berasal daripada skrip Arab dengan dibuat beberapa penyesuaian dan tambahan bagi membolehkan skrip tersebut digunakan untuk bahasa Melayu. Asal usulnya mula dikesan sejak sebelum abad ke-7 Hijrah / ke-13 Masihi dengan penemuan beberapa batu nisan di Kepulauan Melayu yang ditulis dalam skrip Arab seperti di Brunei 440 H./1048 M., di Leran 1062M, di Aceh 1297 M. dan kepingan wang syiling yang dijumpai di Kelantan (557 H./1161 M.). Walau bagaimanapun kebanyakan pengkaji berpendapat bahawa penemuan tersebut hanyalah membuktikan wujudnya skrip Arab dan bukannya penggunaan skrip Arab untuk bahasa Melayu. Skrip dan tulisan Arab mula digunakan dan mulai dikesan pada Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702 H./1303 M. (Fatimi, 1963 dan al-Attas, 1988).

Tidak diketahui siapakah yang mula memberikan nama “Jawi” kepada sistem tulisan yang berasal daripada skrip Arab. Hujah yang menyatakan bahawa perkataan “Jawi” merujuk kepada kepulauan Jawa dan mula berkembang di Kepulauan Jawa tidak mempunyai sandaran dan sokongan kerana kemasukan Islam ke Kepulauan Jawa agak lewat berbanding penemuan awal yang menunjukkan bahawa tulisan ini telah mula digunakan iaitu sejak awal tahun 1300 Masihi sedangkan Kepulauan Jawa mula dikuasai oleh orang Islam pada tahun 1468 Masihi. Penamaan “Jawi” kepada skrip ini mungkin boleh dirujuk kepada penamaan wilayah Nusantara khususnya Sumatera sebagai “*al-Jawwah*” yang disebut di dalam catatan pengembara Arab terawal sebelum abad ke 14 Masihi seperti Yaqut dalam *Mu'jam al-Buldan*, Abu al-Fida' dalam *Taqwim al-Buldan* dan Ibn Batutah dalam *Rihlah Ibn Batutah*. G.H.Werndly, seorang paderi yang mengusahakan terjemahan kitab Bible pertama ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1731-1733 Masihi menyebut bahawa nama Jawi bagi tulisan untuk bahasa Melayu adalah merujuk kepada sistem tulisan yang digunakan oleh orang Melayu di pulau Sumatera kerana “*al-Jawwah*” adalah nama lama bagi Sumatera (Hashim Musa, 2006). Menurut

Ismail Hamid (1985), gelaran “Jawi” bagi huruf-huruf Arab mungkin berkait rapat dengan panggilan Jawi yang digunakan oleh orang Arab di Mekah terhadap bangsa Melayu di Nusantara. “Jawi” adalah kata sifat yang membawa erti “orang Jawa” atau “berasal dari tanah Jawa”, sesuai dengan gelaran yang diberikan oleh penulis-penulis Arab klasik termasuk Ibnu Batuttah yang menggelarkan Pulau Sumatera sebagai al-Jawah. Sehubungan dengan itu orang-orang Melayu yang tinggal di kepulauan Nusantara ini digelar sebagai bangsa Jawi dan tulisan mereka disebut sebagai tulisan Jawi.

Aksara¹ rencong dan Palava merupakan bentuk tulisan yang digunakan oleh orang-orang Melayu sebelum kedatangan Islam. Setelah bertapaknya Islam di Alam Melayu, orang-orang Melayu mula menggunakan tulisan Jawi sebagai medium tulisan yang utama sebelum mereka beralih menggunakan tulisan Rumi secara meluas dalam kehidupan seharian sehingga ke rai ini. Aksara Jawi berasal daripada tulisan Arab yang dipinjam oleh orang Melayu untuk menulis bahasa mereka bagi menggantikan tulisan rencong Palava yang berasal daripada tradisi Hindu. Beberapa huruf juga telah diambil daripada bahasa Parsi dan Hindi (Urdu) serta dicipta huruf baharu apabila beberapa sebutan dan bunyi dalam bahasa Melayu tidak dapat diwakili oleh tulisan Arab (Amat Juhari Moain, 1991).

Tarikh bilakah tulisan Jawi mula dipinjam oleh orang Melayu daripada tulisan Arab, Parsi dan Hindi tidaklah dapat dipastikan. Namun begitu kedatangan Islam adalah merupakan peristiwa penting yang menjadi titik tolak bermulanya perubahan penggunaan tulisan rencong Palava kepada tulisan Jawi. Bukti sejarah menunjukkan bahawa tulisan Jawi lahir agak lewat selepas kedatangan Islam. Prasasti awal yang menunjukkan kewujudan Islam di alam Melayu banyak mencatatkan tulisan Arab di atas batu-batu

¹ Istilah “aksara” dikatakan istilah klasik bahasa Melayu yang kemudiannya ditukar kepada istilah “tulisan” atau “huruf” (Amat Juhari, 1991). Dalam bahasa Inggeris digunakan istilah “*alphabet*” yang dikatakan diambil daripada perkataan Greek “*alphabetos*” dan Latin “*alphabetum*” yang menggabungkan “*Alpha*” dan “*Beta*”. *Alpha* adalah huruf pertama dan *Beta* adalah huruf kedua bagi tulisan Greek. Mula digunakan dalam bahasa Inggeris sejak tahun 1513 Masihi. Bagaimanapun berdasarkan kepada tarikh penggunaannya, timbul keraguan bahawa bahasa Inggeris mengambil terus daripada tradisi Greek dan Latin kerana kedua-dua tradisi tersebut sudah lama pupus sehinggalah Tamadun Islam mengambil alih dan mengembangkan huruf dan tulisan Arab. Antara tahun 1000 – 1600 Masihi (di Eropah dianggap sebagai Zaman Gelap atau Zaman Pertengahan – *Dark Ages* atau *Medieval Ages*) adalah tempoh di mana orang barat sedang belajar dan mengambil ilmu daripada umat Islam. Oleh itu terdapat kemungkinan istilah “*alphabet*” diambil daripada sebutan “*Alif, Ba, Ta*” bahasa Arab. Zaman Renaissance barat hanya bermula pada pertengahan tahun 1600 iaitu antara 1650 – 1700.

nisan seperti batu nisan maqam Syaikh Abdul Kadir Ibnu Hussain Shah Alam di Langgar, Alor Setar, Kedah yang bertarikh 290 hijrah bersamaan 910 Masihi. Tulisan Jawi hanya mula ditemui pada sekitar abad 13 Masihi iaitu berdasarkan kepada penemuan Batu Bersurat Terengganu pada tahun 702 hijrah bersamaan tahun 1303 Masihi (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1970). Aksara Jawi yang ditemui pada Batu Bersurat Terengganu ini telah merangkumi kesemua 29 abjad Arab berserta lima abjad tambahan iaitu *cha* (چ), *nga*(غ), *pa*(پ), *ga*(گ) dan *nya*(ن) (Amat Juhari Moain, 1991).

Tulisan Jawi mempunyai aksara yang berasal daripada 29 huruf al-Hijaiyyah Arab dan huruf-huruf pinjaman daripada Parsi dan Hindi (Urdu) serta yang cipta bagi mewakili bunyi sebutan khusus bangsa Melayu. Tulisan Jawi yang digunapakai kini telah mengalami penyesuaian dengan penuturan bangsa Melayu. Oleh yang demikian, terdapat pertambahan 6 huruf bagi memenuhi keperluan sebutan bahasa Melayu iaitu huruf *cha* (چ), *nga*(غ), *pa*(پ), *ga*(گ), *va*(ڤ) dan *nya*(ن). Sekiranya dihalusi, pertambahan 6 huruf tersebut dapat dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu, penambahan huruf konsonan bersesuaian dengan penuturan bangsa Melayu dan mewakili huruf Rumi dan penambahan huruf bagi mewakili bunyi penuturan bangsa Melayu. Huruf *cha* (چ), *nga*(غ), *pa*(پ), *ga*(گ) dan *nya*(ن) dicipta untuk melambangkan bunyi-bunyi yang lazim pada lidah orang Melayu. Kesemua huruf-huruf ini dikatakan dipinjam dari huruf Arab atau diambil secara terus dari huruf Parsi dan Hindi (Al-Attas, 1972, Omar Awang, 1978 dan Amat Juhari, 1991). Penambahan-penambahan huruf vokal bersesuaian dengan penuturan bangsa Melayu dan mewakili konsonan Rumi bagi 4 huruf iaitu *cha* (چ) bagi huruf C, *pa*(پ) bagi huruf P, *ga*(گ) bagi huruf G, dan terakhir sekali pada 1984 ialah *va*(ڤ) bagi huruf V. Manakala penambahan huruf bagi mewakili bunyi penuturan bangsa Melayu ada 2 iaitu *nga*(غ), bagi bunyi 'ng' dan *nya*(ن) bagi bunyi 'ny'.

Selepas beberapa masa beredar, perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris kian meningkat penggunaannya dalam bahasa Melayu. Kesannya, wujud kesukaran dalam proses mengeja menerusi tulisan jawi untuk perkataan tersebut lantaran kekurangan huruf konsonan bagi mewakili huruf-huruf rumi dan bunyinya. Selain itu, kekurangan tersebut turut juga menyebabkan ketidaktepatan dalam penyebutan perkataan yang telah dieja menggunakan huruf Jawi sedia ada. Siddiq Fadzil menerangkan bahawa kekurangan huruf vokal dan ketidaktentuan aturannya dalam tulisan Jawi sering digambarkan sebagai

tulisan yang banyak kelemahannya. (Siddiq Fadzil: 2008). Shah turut menjelaskan, tulisan Jawi mengalami kesulitan untuk mengikuti keperluan semasa terutama dalam dunia pendidikan kerana wujud istilah-istilah baharu dalam sains dan teknologi. Terdapat 4 jenis huruf yang kurang yang telah dikenalpasti dalam menghasilkan huruf Jawi iaitu huruf 'E atas', 'E bawah', 'O' dan 'X'. (Shah, 2002). Bagi mengatasi kekurangan tersebut huruf-huruf baharu dalam penulisan Jawi boleh dicipta menerusi kaedah-kaedah penambahan pada huruf asal Arab. (Abd Rahman Hamzah, 2008).

Menurut Pak Matlob, aksara Jawi merupakan adaptasi huruf-huruf Arab yang berperanan khusus sebagai alat pengejaan. Ia bersandar kepada bahasa Melayu dan sebarang perubahan yang berlaku ke atas bahasa Melayu akan turut mempengaruhi aksara Jawi tersebut. Hubungan antara bahasa Melayu dan aksara Jawi umpama irama dan lagu dan ini menjelaskan bahawa kebergantungan tulisan Jawi terhadap Bahasa Melayu adalah amat tinggi bagi mengekalkannya agar terus relevan (Azniyah Ismail, 2003)

Aksara Jawi masih mengalami perkembangan sedikit demi sedikit mengikut peredaran perkembangan bahasa Melayu itu sendiri. Didapati bilangan abjad Jawi telah pun mengalami pertambahan bagi mengimbangi sebutan dan ejaan bahasa Melayu baru selepas zaman kemerosotannya. Manakala menurut Zamri Murah (1999), Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyenaraikan 37 abjad Jawi pada tahun 1988. Kesemuanya berasaskan abjad Arab kecuali 5 aksara tambahan lama iaitu *cha* (چ), *nga* (ڠ), *pa* (پ), *ga* (گ) dan *nya* (ن) serta satu aksara yang baharu ditambah pada 1984 iaitu *va* (ڤ) yang mewakili abjad Rumi V (Azniyah Ismail, 2003).

Tulisan Jawi digunakan secara meluas di negeri-negeri kesultanan Melayu Melaka, Johor, Brunei, Sulu, Patani, Aceh dan Ternate sejak awal abad ke-15 Masihi untuk tujuan perhubungan melalui surat-menyurat diraja, titah perintah, puisi, syair dan gurindam dan semua karya sastera yang lain. Tulisan Jawi juga digunakan dengan meluas dalam perhubungan utama di antara saudagar di pelabuhan Melaka, Aceh dan kepulauan Melayu yang lain. Dasar perundangan seperti Hukum Kanun Melaka, Hukum-Hukum Kanun Johor, Kedah dan Brunei semuanya ditulis dalam tulisan Jawi. Bahasa Melayu dalam tulisan Jawi merupakan bahasa perantaraan seluruh lapisan masyarakat, antara para raja dan sultan, golongan bangsawan, ilmuwan agama dan juga orang ramai. Diletakkan dikemuncak budaya dan tradisi dan menjadi lambang utama ketamadunan Melayu Islam.

Perkembangan agama Islam menjadikan tulisan Jawi sebagai tulisan untuk *Lingua Franca* di rantau Nusantara dan menguasai keseluruhan bidang ketamadunan.

Surat-surat yang diutuskan di antara para raja Melayu sesama mereka dan juga pemerintah dan pentadbir penjajah ditulis dalam Tulisan Jawi, dihiasai dan disampaikan dengan penuh istiadat. Antaranya yang masih terpelihara ialah surat antara Sultan Abu Hayat dari Ternate dan Raja João III dari Portugal (1521), surat daripada Sultan Iskandar Muda dari Aceh kepada Raja James I dari England (1615) dan surat daripada Sultan Abdul Jalil IV dari Johor kepada Raja Louis XV dari Perancis (1719). Kebanyakan karya sastera Melayu yang terdiri daripada hikayat, puisi, gurindam seloka dan pantun semuanya ditulis dalam tulisan Jawi. Kemuncak kegemilangan kesusasteraan Melayu dicirikan dengan perkembangan tulisan Jawi. Antara karya-karya epik bersejarah yang dikarang oleh orang Melayu dalam tulisan Jawi termasuklah *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu) yang tersenarai dalam *World Heritage* oleh UNESCO, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan pelbagai lagi teks klasik Melayu yang menyumbang kepada era kegemilangan sastera Melayu Islam. Sewaktu zaman penjajahan, tulisan Jawi masih menguasai Kepulauan Melayu, terutamanya dalam bidang sastera dan kesenian, teologi, falsafah, tasawuf Islam, perdagangan dan perundangan negeri. Tulisan Jawi merupakan abjad rasmi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu sewaktu zaman naungan British. Pemasyhuran Kemerdekaan tahun 1957 bagi negara Malaysia ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi. Sekaligus ini membuktikan bahawa tulisan Jawi adalah tulisan utama yang digunakan oleh penduduk rantau ini sehinggalah datang tulisan Rumi mengambilalih kedudukannya.

2.2 Kajian Tentang Skrip dan Tulisan Jawi

Sejarah perkembangan tulisan Jawi telah lama dikaji dan diteliti oleh ramai sarjana sama ada dari Barat mahupun Timur. Para sarjana Barat berminat mengkaji tulisan ini disebabkan mempunyai perkaitan yang rapat dengan keperluan pihak penjajah khususnya untuk memudahkan perhubungan, urusan pentadbiran dan pemerintahan secara umumnya selain disebabkan tradisi kesarjanaan mereka yang sememangnya memberi penekanan kepada penyelidikan ilmu baharu yang diusahakan oleh para sarjana di universiti-universiti ternama seperti Cambridge, Oxford, Leiden dan lain-lain. Keperluan yang

jarang diperkatakan ialah untuk membantu usaha menyebarkan ajaran Kristian kepada masyarakat rantau ini khususnya dengan berkembangnya usaha menterjemah kitab Bible ke dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi.

Ramai antara pengkaji Barat yang berminat mengkaji tulisan Jawi antaranya yang disebut oleh Shellabear (1901), van Ronkel, van Elbinck, Robinson, Gerth v. Eijk, Werndly, van der Waal, Cohen Stuart, de Hollander, van der Tuuk, Pijnappel, Klinkert dan Wilkinson. Antara penemuan kajian para sarjana Barat ini ialah keselarasan dan keseragaman yang terdapat dalam tulisan Jawi yang ditulis sejak kurun ke-17 Masihi. Shellabear (1901) memberikan dua sebab kenapa wujudnya keseragaman dalam manuskrip-manuskrip yang ditulis iaitu antaranya kebanyakan penulis awal adalah terdiri daripada mereka yang mahir dan terlatih dalam menulis. Keduanya ialah disebabkan mereka merasa satu tanggungjawab besar menulis dan menghasilkan dokumen penting sama ada teks ilmu mahupun surat dan dokumen kerajaan. Selain daripada itu menurut Shellabear lagi ini menunjukkan bahawa tulisan Jawi sudahpun mempunyai satu system yang mantap yang diasaskan kepada skrip Arab. Penelitian Shellabear juga mendapati bahawa orang Arab adalah orang pertama yang menggunakan tulisan dan skrip mereka untuk menulis tulisan Jawi bagi bahasa Melayu. Hal ini mudah difahami kerana keperluan utama pada masa itu adalah untuk orang Melayu memahami bahasa Melayu dan menggunakannya untuk tujuan tertentu seperti perhubungan, perdagangan dan keagamaan.

Sebelum Shellabear, William Marsden telah menulis tentang tulisan Jawi di dalam bukunya *A Grammar of the Malayan Language* yang diterbitkan di London pada tahun 1812. Marsden menyebut 28 abjad Arab yang dipinjam oleh bahasa Melayu dengan meninggalkan huruf "hamzah". Marsden menghuraikan penggunaan abjad-abjad dalam perkataan dan menamakan abjad-abjad itu sebagai konsonan seperti halnya dalam bahasa Arab. Tentang vokal pula, Marsden mengatakan tulisan Melayu juga menggunakan sistem pemvokalan seperti bahasa Arab dengan menggunakan tanda-tanda baris iaitu atas, bawah dan hadapan. Marsden juga membincangkan tanda-tanda ortografi dalam tulisan Jawi seperti *jazam* (tanda mati), *tasydid*, *hamzah*, *maddah* (panjang pendek) dan angka (Hashim Musa, 2006). Kajian Marsden (1812) dan Shellabear (1901) dibincangkan semula oleh Winstedt dalam bukunya *Malay Grammar* (1913).

Dalam kalangan sarjana dan tokoh ilmuan Melayu Raja Ali Haji, Muhammad Ibrahim, Za'ba, Raja Haji Muhammad Tahir bin Almarhum Murshid Riau dan Mejar Dato' Haji Muhammad Said Suleiman adalah antara tokoh awal yang mengkaji dan membincangkan tentang tulisan Jawi di dalam penulisan mereka. Menurut Haji Hamdan Abdul Rahman, Raja Ali Haji ialah tokoh yang mula-mula sekali memperkatakan tentang sistem ejaan Jawi seperti yang tercatat dalam tulisannya *Bustan al-Katibin* (1267 H./1857 M.). Huraian Raja Ali Haji tentang ejaan Jawi merupakan panduan untuk mengenal, menyebut dan menggunakannya dalam bentuk tulisan. Muhammad Ibrahim iaitu anak Abdullah Munsyi adalah antara tokoh awal Melayu yang diketahui menulis tentang ejaan tulisan Jawi, kaedah menulis dan karang mengarang yang dimuatkannya di dalam *Kitab Pemimpin Johor* pada tahun 1878 Masihi. Tokoh Melayu yang pertama yang benar-benar menganalisis sistem ejaan Jawi dari segi prinsip dan segala permasalahannya ialah Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) dengan tulisannya "*Jawi Spelling*" (*JMBRAS*, Jil. 1V, 1928, hlm. 80-104). Za'ba telah memperkatakan tulisan Jawi dari segi sebab-sebab timbulnya ketidak seragaman ejaan, sistem pemvokalan dalam Jawi, sistem ejaan dalam suku kata terbuka dan tertutup, kepanjangan, tekanan dan intonasi, perkembangan penggunaan beberapa abjad-abjad, dan penyebutan serta pengejaan bunyi pada akhir kata. Za'ba seterusnya menerbitkan buku' *Daftar Ejaan Melayu Jawi-Rumi* pada tahun 1949. Beliau juga telah membincangkan kaedah ejaan Jawi dan Rumi dalam buku nahunya yang termasyhur iaitu *Pelita Bahasa Melayu Penggal I* (1940). Raja Haji Muhammad Tahir bin Almarhum Murshid Riau membincangkan beberapa isu berkaitan ejaan dan tulisan Jawi di dalam bukunya *Rencana Melayu* (1928). Manakala Mejar Dato' Haji Muhammad Said Suleiman menulis dua buah buku membincangkan tentang tulisan dan ejaan Jawi iaitu *Buku Katan* (1936) dan *Panduan bagi Ejaan PBmPB* (1936) (Hashim Musa, 2006).

Kongres Persuratan Melayu Se-Malaya Kedua di Seremban pada tahun 1954 melaporkan hasil penelitian perbandingan antara tulisan Jawi dengan tulisan Rumi. Antara laporan penting kongres ini ialah dapatan bahawa terdapat 11 kelebihan tulisan Rumi berbanding dengan 12 kelemahan tulisan Jawi, dan satu kelemahan tulisan Rumi berbanding dengan satu sahaja kelebihan tulisan Jawi. Antara kelemahan-kelemahan tulisan Jawi yang dikemukakan ialah kekurangan abjad vokal dan diftong, tiadanya sistem hurut besar, aturan ejaannya tidak dapat ditentukan, perkataan-perkataan asing sukar

untuk dibunyikan melalui ejaan Jawi, sukar unjuk membentuk bunyi bahasa "umum" bagi bahasa Melayu, memisahkan bahasa dan persuratan Melayu di Indonesia yang telah menggunakan tulisan Rumi, orang asing lebih sukar mempelajari bahasa Melayu melalui tulisan Jawi, bentuk abjad Jawi banyak berubah apabila disambung-sambung, dan adanya 14 abjad Jawi yang nilai bunyinya tidak sesuai dengan lidah Melayu. Satu kelebihan ejaan Jawi yang dinyatakan ialah segala perkataan Arab dapat dieja menurut ejaan Arab (Jawi) dan menurut bunyi lidah Arab. Namun kelebihan ini juga dipersoalkan iaitu apakah perlunya perkataan Arab dieja menurut ejaan Arab dan menurut bunyi lidah Arab padahal perkataan-perkataan Arab itu jika diperlukan, boleh dimelayukan dengan mengejanya menurut bunyi lidah Melayu dengan tulisan Rumi? Sebagai hasil daripada rumusan di atas, maka Angkatan Sasterawan 50 telah mengesyorkan, "*Sudah sepatutnya tulisan Rumi dirasmikan bagi persuratan Melayu dengan tidak menghapuskan tulisan Jawi sehingga masa akan menentukannya*". Syor ini telah diterima oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga, di Singapura/Johor Bahru pada tahun 1956. Kongres pada tahun ini mengambil ketetapan untuk membentuk satu badan untuk mengkaji bagaimana hendak memelihara tulisan Jawi dan bagaimana hendak menyamakan ejaan tulisan Jawi di Malaya dengan Indonesia. Namun begitu sepanjang yang diketahui tidak ada hasil yang diperoleh daripada kajian tersebut sehingga kini (Hashim Musa, 2006).

Pada tahun 1981, Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengesyorkan supaya ejaan Jawi dikaji semula dan diperkemaskan. Satu buku Daftar Ejaan Rumi-Jawi yang lengkap hendaklah diusahakan dan diterbitkan dengan segera. Melalui daya usaha Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1983, Awang Mohd. Amin telah membuat penyelidikan tentang tulisan Jawi yang berjudul "*Satu Kajian terhadap Kaedah Ejaan Jawi Za'ba*" dengan tujuan untuk "*mencari data tentang ejaan Jawi bahasa Melayu dengan harapan data itu akan digunakan sebagai asas untuk menyempurnakan ejaan tersebut iaitu sebelum ia diajarkan kepada pelajar-pelajar khususnya dan orang ramai amnya*". Hasil kajian itu telah dibahaskan oleh Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain dengan artikelnya "*Laporan tentang Satu Kajian Kaedah Ejaan Melayu Za'ba*" yang dibuat oleh Awang Mohd. Amin dan Hamdan Abdul Rahman dalam artikelnya, "*Sistem Ejaan Jawi Bahasa Melayu bagi Memenuhi Keperluan Masa Depan*" dalam satu bengkel yang diadakan di Dewan Bahasa

dan Pustaka pada bulan Februari, 1983. Hasil daripada perbincangan dalam bengkel itu, satu jawatankuasa ejaan Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka telah dibentuk untuk menyemak sistem tulisan yang ada pada masa itu dan memperkemaskannya. Hakikat ini ditegaskan oleh pengerusinya Hamdan Abdul Rahman iaitu tugas Jawatankuasa itu “*mengekalkan yang sudah kemas, melengkapkan yang kurang, mengadakan yang tiada, menjelaskan yang kabur dan mengemaskan yang longgar . . . (jadi) yang (akan) dihasilkan hanyalah sistem ejaan Jawi Za’ba yang diperkemaskan dan dinyatakan semula dengan perkataan baru*” (Hashim Musa, 2006).

Berdasarkan laporan dan dapatan kajian Jawatankuasa tersebut maka pada tahun 1986, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*. Buku ini mengandungi kaedah-kaedah ejaan jawi yang telah disemak daripada buku *Daftar Ejaan Jawi-Rumi Za’ba* (1949). Tidak banyak perubahan dilakukan dan hanya beberapa perkara diubahsuai iaitu antaranya ialah pengenalan konsonan untuk melambangkan huruf v dalam tulisan Rumi, penulisan imbuhan -an, -i diseragamkan, kaedah penulisan kata ulang dan nama gelaran, singkatan dan akronim. Buku ini mengandungi tiga bab iaitu tentang pengenalan abjad dan huruf, bentuk huruf dan cara penulisan dan kaedah mengeja Jawi. Pada tahun 1988 Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan pula buku *Daftar Ejaan Rumi-Jawi* yang memuatkan perbendaharaan kata dasar umum bahasa Malaysia, termasuklah kata pinjaman umum daripada bahasa asing seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris dan lain-lain. Kata-kata ini disusun menurut abjad Rumi dan padanan Jawi diberikan di sebelahnya. Kaedah ejaan Jawi yang digunakannya berdasarkan buku *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*.

2.3 Penciptaan Huruf Tambahan Dalam Tulisan Jawi

Penemuan pertama batu nisan yang tertulis dalam bahasa Arab di Sumatera bertarikh 55 Hijrah (674M) dan di Kedah bertarikh 290 Hijrah jelas telah menunjukkan bahawa tulisan Jawi berasal dari orang Arab yang kemudian telah diubahsuai dengan menambahkan beberapa huruf tambahan kepada huruf Arab bagi menyesuaikan dengan gaya bahasa orang Melayu telah menyumbangkan kewujudan Tulisan Jawi dalam tamadun Melayu. Akan tetapi siapakan pencipta sebenar kepada tulisan Jawi tidak dapat dipastikan dengan tepat. Dalam buku-buku kajian tentang bahasa Melayu dan tulisan Jawi terutama sekali

dalam kamus-kamus lama yang diselenggarakan oleh orang Barat sering dinyatakan bahawa dalam tulisan Jawi, terdapat lima huruf tambahan di samping huruf Arab. Ia dicipta untuk memenuhi keperluan mengeja bunyi lidah Melayu, iaitu *ca*, *ngan*, *pa*, *ga* dan *nya* (Bukhari Lubis, et.al, 2006).

Sehingga kini asal usul lima huruf tambahan dalam skrip Jawi iaitu 'cha', 'nga', 'pa', 'ga' dan 'nya' masih belum jelas, walaupun terdapat banyak pendapat tentang asal-usulnya telah dikemukakan oleh para filologis. Mengikut (Amat Juhari Moain 1991), orang Melayu telah mencipta sebanyak enam huruf baru, dalam tulisan Jawi iaitu 'cha', 'nga', 'pa', 'ga' dan 'nya' berdasarkan "rumah" huruf Arab. Contohnya \dot{c} daripada $ح$, \dot{g} daripada $ع$ dan \dot{f} daripada $ف$. Yang berbeza hanya titiknya. Huruf \dot{d} (\dot{d}) telah hilang. Huruf-huruf baharu ini telah digunapakai sebelum adanya batu bersurat Terengganu yang ditemui pada tahun 1303 M (702 H) dan juga *Syair Bidasari* yang ditulis sekitar tahun 1300–1399 M dan ditemui di Sumatera. Walaupun dalam kamus Marsden, huruf tersebut digunakan, Prof. Syed Muhammad Naguib al-Attas (1990) pula berpendapat bahawa kelima-lima huruf itu telah dicipta oleh masyarakat setempat berdasarkan huruf Arab semata-mata. Menurut beliau lagi, berdasarkan huruf-huruf Arab 'Jim', 'Ain', 'Fa', 'Kaf' dan 'Nun', lima huruf baru telah dicipta untuk mengeja bunyi yang lazim dengan lidah Melayu iaitu 'cha', 'nga', 'pa', 'ga' dan 'nya'. (Muhammad Bukhari Lubis et.al, 2006)

Menurut Kang Kyoung Seock (1993), Tulisan Jawi ini asalnya daripada tulisan Arab yang dipinjam oleh orang Melayu. Oleh sebab huruf-huruf Arab mempunyai kekurangan dari sudut lambang-lambang untuk fonem Melayu, maka orang-orang Melayu telah meminjam beberapa huruf Arab yang telah difarsikan. Dengan itu bertambahlah jumlah huruf Jawi. Huruf-huruf tambahan ini ialah 'Ga', 'Pa', 'Nya' dan 'Nga' untuk g, p, ny, c dan ng secara satu persatu yang titik ada pada bahasa Arab.

Menurut Bukhari Lubis (et.al, 2006) terdapat sarjana dan pengkaji yang berpendapat bahawa huruf-huruf itu dipinjam dari skrip-skrip Islam yang lain, terutama sekali Parsi. Setelah diteliti secara perbandingan dengan skrip-skrip Islam yang lain, dipercayai bahawa antara lima huruf baru dalam skrip Jawi itu, hanya huruf 'Ca' dan 'Ga' sahaja yang dipinjam daripada skrip Parsi. Namun demikian terdapat sedikit perbezaan,

iaitu bentuk 'Ga' dalam skrip-skrip berkenaan disertai dengan satu garis panjang di atas huruf 'Gh' sedangkan huruf 'Ga' dalam skrip Jawi disertai dengan titik yang biasanya diletakkan atas huruf. Oleh itu, bolehlah dianggap bahawa kedua-dua huruf itu, 'Ca' dan 'Ga', mungkin dipinjam daripada skrip-skrip Islam berkenaan, tetapi huruf 'Ga' mengalami sedikit pindaan pada titiknya iaitu, daripada bentuk garis kepada titik. Disebabkan skrip Parsi merupakan skrip tertua antara skrip-skrip Islam selain skrip Arab, maka bolehlah dipercayai bahawa huruf 'Ca' dan 'Ga' dipinjam daripada skrip Parsi. Tambahan pula, hubungan di antara Alam Melayu dengan Parsi dan tanah India (yang banyak dipengaruhi oleh budaya Islam Parsi) amat rapat pada zaman lampau. Umpamanya Hamzah Fansuri, seorang ulama dan pengarang Melayu yang masyhur dengan fahaman Wujudiah (yang hidup pada sekitar akhir abad ke-16M), banyak bergaul dengan masyarakat Parsi. Beliau dilahirkan di Fansur, Aceh, dan dipercayai menerima fahaman Wujudiah semasa berada di Shahr Nawi (Ayuthia), Siam, yang mempunyai ramai komuniti Parsi dan mahir berbahasa Parsi (Drewes dan Brackel 1986).

Mengikut Drewes dan Brackel (1986: 5), "*It is a plausible guess that among them Hamzah learnt Persian, the lingua franca of Muslim India, and was won over to the Wujudiyah doctrine, of which he became a most convinced adept.*" Huruf 'Nga', 'Pa' dan 'Nya' dipercayai telah dicipta oleh orang Melayu sendiri bagi memenuhi keperluan mengeja mengikut bunyi sebutan lidah Melayu. Walaupun dalam skrip Parsi terdapat huruf 'Pa', bentuknya amat berbeza daripada bentuk 'Pa' yang terdapat dalam skrip Jawi.

2.4 Bunyi 'Eks' Dalam Bahasa Melayu

Terdapat banyak perkataan bahasa Melayu yang mempunyai bunyi "eks". Kebanyakan perkataan ini adalah merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris seperti *ekspres, eksport, eksplorasi, eksperimen, eksplo, kompleks, seks* dan sebagainya. Ketika ini kita terpaksa menggunakan 4 huruf Jawi iaitu huruf *alif, ya, kaf* dan *sin* (ايس - jika bunyi eks berada di awal) atau 3 iaitu *ya, kaf* dan *sin* (يس - jika bunyi eks berada di tengah atau di akhir perkataan) bagi membunyikan sebutan 'eks' sewaktu mengeja perkataan-perkataan bahasa Melayu yang diambil daripada bahasa Inggeris dan dalam masa yang sama tiada ketepatan sebutan menerusi huruf-huruf yang digunakan tersebut.

Menerusi penelitian rapi yang dijalankan, didapati bahawa penggunaan perkataan dalam bahasa Melayu yang melibatkan bunyi 'eks' dalam Kamus Dewan Edisi Keempat adalah tidak kurang daripada 122 perkataan termasuk perkataan yang bermula dengan huruf "X" iaitu X-ray. Manakala perkataan yang mempunyai bunyi "nya" adalah sebanyak 84 perkataan, bunyi "v" sebanyak 233 perkataan dan bunyi "nga" sebanyak 118 perkataan. Jadual 2.1 menunjukkan perbandingan jumlah perkataan yang mempunyai bunyi "eks", "nya", "V" dan "nya". Oleh itu jelas bahawa perkataan yang mempunyai bunyi "eks" adalah agak banyak serta melebihi perkataan yang mempunyai bunyi 'nya' iaitu hanyalah sebanyak 84 perkataan dan bunyi "nga" sebanyak 118 perkataan sahaja. Sedangkan huruf "nya" telah lama dicipta dalam sistem tulisan Jawi.

Jadual 2.1: Bilangan Perkataan Yang Mempunyai Bunyi "eks", "nya", "V" dan "Nga"
Sumber: *Kamus Dewan Edisi Keempat*

Bunyi Huruf	Bilangan
Eks	122
Nya	84
V	233
Nga	118

Jadual 2.2: Perkataan Mengandungi Bunyi 'EKS'
(Sumber: *Kamus Dewan Edisi Keempat*)

Bil	Perkataan	Bil	Perkataan	Bil	Perkataan	Bil	Perkataan
1	Beksa	32	Eksperimen	63	<i>Ex Gratia</i>	94	Leksotaktik
2	Beksan	33	Eksperimental	64	<i>Ex Officio</i>	95	Peksa
3	Bereksa	34	Eksperimentalis	65	<i>Ex Parte</i>	96	Peksi
4	Biseks	35	Eksperimentasi	66	<i>Exco</i>	97	Psikoseksual
5	Biseksual	36	Eksplisit	67	Fleksi	98	Refleksi
6	Dekstrin	37	Eksplloit	68	Fleksibel	99	Refleksologi
7	Dekstrosa	38	Eksplloitasi	69	Fleksibiliti	100	Reksa
8	Dwiseksual	39	Eksplorasi	70	Geotekstil	101	Seks
9	Eksais	40	Ekspo	71	Heksa	102	Seksa
10	Eksantema	41	Eksponen	72	Heksagon	103	Seksi
11	Eksekutif	42	Ekспорт	73	Heksahedron	104	Seksi
12	Eksemplar	43	Eksposisi	74	Heksana	105	Seksionalisme
13	Eksentrik	44	Ekspres	75	Homoseksual	106	Seksisme
14	Ekshibit	45	Ekspresi	76	Homoseksualiti	107	Seksologi
15	Eksisi	46	Ekspresif	77	Indeks	108	Sekstan
16	Eksistensi	47	Ekspresionis	78	Infleksi	109	Sekstet
17	Eksistensialis	48	Ekspresionisme	79	Injeksi	110	Seksual
18	Eksistensialisme	49	Ekstasi	80	Injeksyen	111	Seksualiti
19	Ekskavasi	50	Ekstensif	81	Inspeksi	112	Seksuil
20	Eksklusif	51	Ekstra	82	Interseks	113	Seksyen
21	Ekskursi	52	Ekstradisi	83	Konteks	114	Seleksi
22	Eksodus	53	Ekstrak	84	Kontekstual	115	Teks

23	Eksogami	54	Ekstranei	85	Korteks	116	Teksi
24	Eksokarpa	55	Ekstrapolasi	86	Lateks	117	Tekstil
25	Eksosfera	56	Ekstrasel	87	Leksem	118	Tekstur
26	Eksoterma	57	Ekstravaganza	88	Leksikal	119	Teleks
27	Eksotik	58	Ekstrem	89	Leksikograf	120	Uniseks
28	Eksotika	59	Ekstremis	90	Leksikografi	121	Videoteks
29	Eksotisisme	60	Ekstremisme	91	Leksikon	122	X-Ray
30	Ekspatriat	61	Ekstrinsik	92	Leksikostatistik		
31	Ekspedisi	62	Ekstrovert	93	Leksis		

Jadual 2.2 di atas menunjukkan di antara perkataan bahasa Melayu yang mempunyai bunyi “eks”, tidak termasuk perkataan yang mempunyai bunyi “ek” seperti budek, gandeK, gedek, gelek, gentek, injek, jelepek dan sebagainya. Bunyi “eks” dalam sistem tulisan Jawi sedia ada adalah diwakili dengan empat huruf iaitu *alif, ya, kaf* dan *sin* (اىكس) jika bunyi tersebut berada di awal seperti dalam perkataan “eksais” dan “eksklusif”. Jika bunyi ini berada di tengah atau di akhir seperti dalam perkataan “fleksibel,” “leksikon,” “seks” dan “teks” ia diwakili oleh tiga huruf iaitu *ya, kaf* dan *sin* (يىكس) (Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan, DBP). Jadual 2.3 di bawah menunjukkan contoh ejaan Jawi sedia ada bagi perkataan-perkataan yang mempunyai bunyi “eks” berserta dengan jumlah aksara.

Jadual 2.3 : Contoh Ejaan Perkataan Yang Mengandungi Bunyi ‘EKS’

Sumber: Daftar Ejaan Rumi – Jawi DBP (1989)

Perkataan	Transliterasi Jawi	Jumlah Aksara
<u>eksais</u>	اىكساءيس	7
<u>eksklusif</u>	اىكسكلوسيف	10
<u>fleksibel</u>	فلىكسىبل	8
<u>heksahedron</u>	هيكسهيدرون	8
<u>leksikon</u>	لىكسىكون	8
<u>heksa</u>	هيكسا	5
<u>seksi</u>	سىكسى	5
<u>seks</u>	سىكس	4
<u>teks</u>	تىكس	4
<u>uniseks</u>	اونىسىكس	8

Penulisan bunyi eks dalam sistem tulisan jawi ini akan merumitkan dari segi penulisan dan akan melibatkan aksara yang banyak. Berdasarkan kepada fakta bahawa aksara Jawi mengalami pertambahan daripada aksara asal yang diambil daripada bahasa Arab maka jelaslah bahawa usaha inovasi melahirkan huruf Jawi baharu bukanlah satu

perkara yang baharu dan di luar daripada kebiasaan. Usaha ini telahpun bermula sejak dahulu disebabkan keperluan mendesak masyarakat Melayu pengguna tulisan Jawi. Inovasi dalam melahirkan huruf baharu Jawi telah dibuat beberapa kali sejak dahulu termasuklah sehingga terciptanya huruf-huruf *cha* (چ), *nga* (ڠ), *pa* (پ) dan *nya* (ن). Penciptaan huruf *va* (ڤ) adalah merupakan satu usaha inovasi yang terkini iaitu dicipta dan diterima pakai melalui Konvensyen Tulisan Jawi Terengganu yang diadakan pada tahun 1984. Keperluan menyelesaikan masalah bunyi “eks” adalah melibatkan usaha,

1. Menyelesaikan masalah penggunaan huruf yang banyak iaitu alif, ya, kaf dan sin.
2. Menyelesaikan masalah sebutan “e” yang selama ini dikelirukan dengan sebutan “i”.
3. Pertambahan istilah asing yang kebanyakannya berunsurkan sains dan teknologi daripada Bahasa Inggeris khususnya.
4. Membuktikan kelestarian tulisan Jawi mendepani cabaran sains dan teknologi.
5. Membuka ruang baharu untuk tulisan Jawi terus berkembang.
6. Memungkinkan tulisan Jawi menjadi alat untuk menguasai tamadun Barat khususnya apabila wujud huruf-huruf yang boleh membunyikan sebutan bahasa Inggeris. 100 tahun akan datang mungkin bahasa Inggeris mempunyai satu lagi tulisan iaitu Jawi!

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Kerangka Kajian

Kajian ini menggunakan tiga kaedah utama iaitu kajian tinjauan deskriptif, kajian quasi eksperimen dan kajian rekabentuk atau inovasi. Rekabentuk kajian pertama ialah kajian tinjauan deskriptif dilaksanakan untuk mengetahui keperluan kepada inovasi berdasarkan kepada penguasaan dan minat semasa terhadap tulisan Jawi. Rekabentuk kajian kedua ialah kajian quasi eksperimen dijalankan untuk mengetahui penguasaan responden terhadap perkataan-perkataan yang mempunyai sebutan “e” taling, “e” pepet dan “o”. Kedua-dua kajian ini dilaporkan dan dibincangkan dalam Bab 4. Kajian rekabentuk atau inovasi dijalankan untuk menghasilkan huruf baharu bagi menyelesaikan masalah sebutan bunyi “e” taling, “e” pepet dan “o” yang telah dikenalpasti. Kajian ini dilaporkan dan dibincangkan dalam Bab 5.

3.2 Kajian Tinjauan Penguasaan Jawi

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana penguasaan Jawi dalam kalangan golongan muda. Dapatan kajian ini juga ingin melihat sejauh mana keperluan inovasi tulisan Jawi dapat membantu menyelesaikan masalah ini. Lokasi Kajian ini di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, UTHM. Populasi kajian adalah merangkumi semua mahasiswa baru tahun 1 universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Manakala sampel kajian pula adalah terdiri daripada 140 orang mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Sampel kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan secara rawak kerana menurut pengkaji responden yang dipilih adalah terdiri dari kalangan pelajar dan data kajian adalah tidak dipengaruhi oleh faktor latar belakang pendidikan dan sebagainya. Setelah meneliti maklumat berkenaan kemasukan pelajar di UTHM, didapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar terutamanya dari segi aspek latar belakang pendedahan terhadap asas Jawi semasa berada di alam persekolahan terutamanya bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dan seumpamanya.